

Baca naskhah puisi

Medan kongsi pengalaman dengan penyair dan penulis

Oleh Irdawati Hamzah
bhsastera@nstp.com.my

BACA Naskhah/Lagu puisi sempena Majlis Diskusi Novel dan Kumpulan Cerpen Karya Malim Ghazali PK di Dewan Kuliah DBP, Jalan Dewan Bahasa, Kuala Lumpur, baru-baru ini, menjadi medan peminat sastera tanah air untuk berkongsi pengalaman dan mengenali peribadi penyair yang memeriahkan acara berkenaan.

Penulis karya Islami dari Indonesia, Helvy Tiana Rosa, membuka tirai majlis dengan puisi Islaminya, *Perempuan Cahaya* di Taman Zikir, dalam *Antologi Puisi Religius: Sajadah Kata*, sarat dengan pengakuan pengabdian yang tidak berbelah bahagi kepada Yang Maha Esa.

Di taman zikir, taman doa, taman nafasku di tengah perempuan-perempuan cahaya aku menjaga dengan air mata nyala masa yang tersisa demi hasrat abadi itu.

Biarkan, Kekasih kupenuhi dengan-Mu berharap jadi mawar-Mu jadi laut-Mu tanpa kenal kata "sampai ajal".

Sungguh, telah Kaufanakan diriku, Kekasih tapi tidak cintaku pada-Mu.

Sebab di taman zikir, taman doa taman nafasku cinta kita, Kekasih adalah baqa.

Pasti sebahagian besar khalayak tidak menduga, peserta Program Penulisan IOWA 2007, Malim Ghazali PK, bertindak berani melagukan puisinya, *Benarkah Laut Itu Biru*, sambil memetik gitar memandangkan tampangnya yang serius dalam percubaannya membawa khalayak menelusuri keghaasan kehidupan di laut.

Benarkah laut itu biru. Sering kulihat hitam bergantung di sayap angin. Dan bila hujan gugur menimpa ombak hitam jadi lebih hitam kerana perahu dan pukuk akan tenggelam.

Penyair yang juga Penyair Universiti Putra Malaysia, Shamsudin Othman, mengaku taksu dengan travelog haji sejak kembali daripada menunaikan rukun Islam kelima di Tanah Suci berkongsi

pengalamannya lewat puisi Islaminya, *Merawat Cinta Di Kaki Kaabah*.

Tiga puluh sembilan tahun sepi berkabut dalam perasaan menyulam resah dan lara imani paling menyayat ialah cinta yang terhukum oleh kepalsuan duniawi fana yang mengizinkan kejahatan tanpa mempersoal kebenaran meraja dalam seluruh sendu rimba kemanusiaan sehingga aku menjadi manusia keliru antara ufuk syurga dan kaki neraka.

Bertahun kurindui kucup bibirku membasahi tanah-Mu Rabb bertahun jugalah gelora nafsku berombak menuju pantai sukma meski selera memburu pelangi sering dibayangi air mata dan mimpi-mimpi duniawi berlingkar dalam ingatan seperti ababil mengepuk sayap menyambar cinta di laut rindu sambil melepaskan batu-batu sengsara sukma.

Ketua Bahagian Pengembangan Sastera Antarabangsa DBP, Zaiton Ajamain, selaku pengerusi, memilih menjadi

kan suasana majlis lebih santai dengan konsep bicarawara ketika mempelawa Ketua Bahagian Sastera Bandingan DBP, Salmiah Ismail, memperdengarkan puisinya, *Sepasang Kekasih*, dipetik daripada buku *Sayembara Mencipta lagu Puisi IX*.

Bagaikan sepasang kekasih bertemu dipisahkan oleh luasnya lautan bagaikan sepasang kekasih melepaskan dendam setelah pemisahan yang panjang tertegun terpukau pandang membaca bahasa mata dalam diam.

Bagaikan Adam bertemu Hawa bagaikan Rama bertemu Sita kita menombak diri oleh panah asmara.

Program petang itu turut dimeriahkan Abdul Ghaffar Ibrahim (Agi) yang menceritakan pengalamannya ketika di Iowa dan berharap program seperti petang itu akan kerap diadakan dengan mengimbangi konsep santai berselang-seli akademik agar proses menimba pengetahuan sastera lebih dihargai.

Penyair, pelukis dan budayawan, Dr Siti Zainon



Zaiton Ajamain



Salmiah Ismail




Helvy Tiana Rosa



Shamsudin Othman

Isnin, yang mengimbuu pengalaman lalu mengajak penulis lama kembali cergas dalam dunia sastera tanah air dengan menghidupkan jaringan persahabatan tanpa mengetepikan rakan seperjuangan dari Indonesia.

Majlis petang itu turut diserikan dengan bacaan puisi oleh Rahimidin Zahari, lagu puisi (Baharuddin Buyung Kahar dan isteri Malim Ghazali Pk, Ratnawati Jamil) manakala Zaiton Ajamain mengakhiri program dengan senandung kecil, sebelum ditutup dengan lagu *Hujan di Laman Pagi*.



Malim Ghazali